

D449...

U B246 AAB
MAHATHIR - BELANJAWAN 9'9'9'

KUALA LUMPUR, 27 OKT (BERNAMA) -- BELANJAWAN 1990 YANG DIBENTANGKAN DIDEWAN RAKYAT HARI INI, YANG TIDAK MEMBEBAKANKAN RAKYAT BIASA, BUKANLAH SATU PETANDA BAHAWA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DIADAKAN TIDAK LAMALAGI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KERAJAAN, SEBALIKNYA, BERKALI-KALI MENGADAKAN BELANJAWAN YANG BAIK YANG TIDAK MENEKAN RAKYAT WALAUPUN TIDAK ADA PILIHAN RAYA, KATANYA DALAM TEMURAMAH DENGAN RTM DAN TV3 DIPEJABATNYA DIBANGUNAN PARLIMEN SEJURUS SELEPAS MENTERI KEWANGAN DATUK PADUKADAIM ZAINUDDIN SELESAI MENYAMPAIKAN UCAPAN BELANJAWANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +RAMAI YANG BERFIKIR BAHAWA BELANJAWAN INI MERUPAKAN BELANJAWAN UNTUK PILIHAN RAYA...TETAPI KALAU KITA SEMAK BELANJAWAN KERAJAAN, KERAP KALI TIDAK ADA KENA MENGENA DENGAN TUJUAN TERTENTU.+

+NAMUNDEMIKIAN, SAYA TIDAK DAPAT NAK KATA SAMA ADA KITA AKAN ADAKAN PILIHAN RAYA ATAU TIDAK. TETAPI JANGANLAH AMBIL BELANJAWAN INI SEBAGAI PETANDA BAHAWA PILIHAN RAYA AKAN DIADAKAN TIDAK LAMA LAGI,+ TAMBAHNYA.-- LAGI.

1906MST 27 10 89

D497

U B252 AAB'
MAHATHIR - BELANJAWAN 2 KUALA LUMPUR 9'9'9'

PERDANA MENTERI BERKATA BELANJAWAN TAHUN DEPAN BUKAN SAHAJA TIDAK MENGENAKAN SEBARANG BEBANAN TERHADAP RAKYAT BIASA, MALAH MEREKA AKAN MENIKMATI PELBAGAI FAEDAH.

INITERMASUK PENURUNAN CUKAI KE ATAS BAHAN BINAAN UNTUK RUMAH MURAH DAN PENGURANGAN CUKAI-CUKAI LAIN YANG BERTUJUAN UNTUK MERINGANKAN LAGI BEBANAN RAKYAT BIASA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENERANGKAN BAHAWA DESAKAN TERHADAP PENYEDIAAN BELANJAWAN 1990 SEBENARNYA SAMA SAHAJA DENGAN YANG SEBELUMNYA -- IAITU SEMUA PIHAK MEMINTA CUKAI DIKURANGKAN DAN SEMUA PIHAK MEMINTA KERAJAAN BERBELANJA LEBIH UNTUK KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR, BANTUAN DAN SUBSIDI.

PERMINTAAN SEDEMIKIAN MENIMBULKAN PERCANGGAHAN ANTARA SATU DENGAN LAIN KERANA KALAU CUKAI DIKURANGKAN, HASIL KERAJAAN SUDAH TENTU MENURUN. INI PULA AKAN MENYEBABKAN KERAJAAN TIDAK BOLEH BERBELANJA LEBIH.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, ADA KALANYA KALAU KERAJAAN MENGURANGKAN CUKAI IA MASIH MAMPU MENDAPATKAN HASIL YANG LEBIH SEPERTI YANG TELAH +DIEKSPERIMEN+ OLEH KERAJAAN BEBERAPA TAHUN DAHULU.-- LAGI.

1924MST 27 10 89

D469

U.. B262 AAB
MAHATHIR - BELANJAWAN 3 KUALA LUMPUR R' R' R'

EKSPERIMEN LTU MELIBATKAN PENGHAPUSAN CUKAI KEATAS..
BARANG-BARANG MEWAH SEPERTI PEN, PEMETIK API DAN ALAT SOLEK YANG
PADA SUATU MASA DAHULU TIDAK MERUPAKAN PERNIAGAAN YANG BESAR DI
PASARAN TEMPATAN MEMANDANGKAN CUKAINYA YANG TINGGI DAN PENDUDUK
MALAYSIA PULA MEMBAWA MASUK BARANG-BARANG INIDARI NEGARA JIRAN YANG
BEBAS CUKAI.

SESUDAH CUKAI BARANG-BARANG MEWAH ITUDIHAPUSKAN, PERMINTAAN
DIDAPATI MENINGKAT BERKALI-KALI GANDA BUKAN SAHAJA DI KALANGAN
PENGGUNA TEMPATAN TETAPI JUGAPARA PELANCONG ASING YANG TERTARIK
UNTUK MEMBELI BELAH DI NEGARA INI.

WALAUPUN KERAJAAN KEHILANGAN CUKAI IMPORT, PERTAMBAHAN
PERNIAGAAN BARANG-BARANG ITU MENGUNTUNGAN SEKTOR-SEKTOR LAIN
SEPERTI PARA PEKEDAI DAN PENGUSAHA PENGANGKUTAN EKORAN PENINGKATAN
PENGIMPORAN SAMBIL MEMBUKA PELUANG-PELUANG PEKERJAAN.

+ADA KALANYA WALAUPUN KITA MENURUNKAN CUKAI KITA AK'AN DAPAT
HASIL BERTAMBAH...TETAPI UMUMNYA KALAU KITA TURUNKAN CUKAI MAKA
PENDAPATAN KERAJAAN AKAN MENJADI TERLALU RENDAH DAN DENGAN ITU SUKAR
BAGI KERAJAAN MEMBELANJA WANG YANG BANYAK UNTUK MENAIKKAN GAJI DAN
MENGADAKAN INFRASTRUKTUR YANG DIPERLUKAN,+ KATANYA. -- LAGI.
1952MST 27 10 89

D481

U B268 AAB

MAHATHIR - BELANJAWAN 4 KUALA LUMPUR R'R'R'

MENGENAI LANGKAH KERAJAAN UNTUK MEMBERI PILIHAN KEPADA KAKITANGAN AWAM DALAM KATEGORI B, C DAN D UNTUK BERSARA PADA UMUR 40 TAHUN, PERDANA MENTERI BERKATA LANGKAH INI TIDAK AKAN MENJEJAS PEMBANGUNAN NEGARA YANG SEDANG RANCAK DIJALANKAN.

BELIAU MENERANGKAN DENGAN PENGGUNAAN ALAT-ALAT BARU DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN SEPERTI KOMPUTER DAN +WORDPROCESSOR,+ KEPERLUAN PENAMBAHAN KAKITANGAN AWAM TIDAK BEGITU MENDESAK SEPERTI DAHULU KECUALI DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU SAHAJA.

SEBALIKNYA, OLEH KERANA KERAJAAN TIDAK BOLEH MENAMATKAN PERHIDMATAN KAKITANGAN AWAM BEGITU SAHAJA, KERAJAAN PERLU Mencari JALAN SUPAYA +MEREKA TIDAK RUGI SEMENTARA KERAJAAN DAPAT MENGURANGKAN JUMLAH KAKITANGAN DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU+.

+SEBAB ITU BAGI KUMPULAN A KITA TIDAK MEMBERI KEBEBASAN BAGI MEREKA MEMOHON TETAPI KITA AKAN MENENTUKAN,+ KATANYA. -- LAGI.

2018MST 27 10 89

U 8276 AAB

MAHATHIR - BELANJAWAN 5 KUALA LUMPUR R'R'R'

MENGULAS KEPUTUSAN +MENGEJUT+ KERAJAAN UNTUK MEMISAHKAN BURSA SAHAM KEMBAR MALAYSIA-SINGAPURA, PERDANA MENTERI BERKATA KEBANYAKAN DARIPADA SYARIKAT YANG DISENARAIKAN DI BURSA SAHAM SINGAPURA (SES) SEBENARNYA MERUPAKAN SYARIKAT-SYARIKAT MALAYSIA.

APA YANG BERLAKU SEKARANG IALAH BANYAK URUSNIAGA SAHAM DIADAKAN DI SINGAPURA YANG TIDAK MENGUNTINGKAN PERUSAHAAN SEPERTI BROKER SAHAM DAN LAIN-LAIN DI MALAYSIA.

SATU LAGI SEBAB MENGAPA PEMISAHAN ITU PERLU IALAH TERDAPAT SPEKULASI DI SINGAPURA YANG MEMBAWA KESAN-KESAN BURUK TERHADAP SYARIKAT-SYARIKAT MALAYSIA. INI, MISALNYA, BERLAKU DALAM TAHUN 1986 APABILA, SEMASA MALAYSIA BERCUTI, PELABUR-PELABUR SINGAPURA TELAH MENJUAL SAHAM-SAHAM SYARIKAT MALAYSIA DENGAN BEGITU BANYAKNYA SEHINGGA HARGA SAHAM BEBERAPA SYARIKAT JATUH DENGAN TERUK.

HAKIKAT MALAYSIA TIDAK DAPAT MENGADAKAN DAGANGAN SAHAM PADA HARI YANG SAMA DENGAN SINGAPURA, JUGA BOLEH MENJEJAS PASARANSAHAM TEMPATAN.

BEGITU JUGA BURSA SAHAM KUALA LUMPUR (BSKL) TERPAKSA DITUTUP SELAMA TIGA HARI EKORAN KRISIS SYARIKAT PAN-EL DI SINGAPURA BEBERAPA TAHUN DAHULU.

DATUK SERI DA MAHATHIR JUGA BERKATA KADAR INFLASI DI MALAYSIA LEBIH MERUPAKAN INFLASI YANG DIIMPORT DARI NEGARA-NEGARA PENGELUAR YANG DISEBABKAN OLEH RAKYAT BERMINAT MEMBELI BARANG-BARANG IMPORT MEMANDANGKAN KUASA MEMBELI MEREKA TELAH BERTAMBAH.

+CARA YANG PALING MUDAH UNTUK MENGELAKKAN INFLASI IALAH KITA JANGAN MEMBELI (BARANG IMPORT). KALAU KITA TIDAK MEMBELI MAKA BARANG INI TIDAK AKAN DIBAWA MASUK DAN DENGAN ITU TIDAK AKAN ADA INFLASI,+ KATANYA. -- BERNAMA.

2029MST 27 10 89